

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK



Baca dan fahami Lembaran Maklumat Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat am berkaitan Pembiayaan Ar-Rahn Tawarruq sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

AR-RAHN TAWARRUQ

Tarikh : _____

APAKAH KEMUDAHAN AR-RAHN TAWARRUQ KOPKB?

Ar-Rahn Tawarruq ini merupakan pembiayaan jangka pendek di mana pelanggan akan mencagarkan emas sebagai Aset Gadaian bagi kemudahan pembiayaan yang diberikan.

APAKAH KONSEP SYARIAH YANG DIGUNA PAKAI?

- Kemudahan ini adalah berasaskan konsep Tawarruq. Tatacara akad Tawarruq adalah seperti berikut:
 - i) Pelanggan membeli komoditi (yang telah diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah KoPKB) daripada KoPKB pada Harga Jualan dengan bayaran tangguh.
 - ii) Pelanggan kemudiannya menjual komoditi yang telah dibeli kepada Pembeli Komoditi (pihak ketiga) melalui KoPKB sebagai wakil Pembeli Komoditi secara tunai yang bersamaan dengan Jumlah Pembiayaan yang diberikan kepada pelanggan.
- Pelanggan akan menggadaikan emas iaitu Aset Gadaian sebagai sekuriti kepada KoPKB berasaskan kontrak Rahn (gadaian) terhadap keberhutangan pelanggan dan KoPKB berhak melelong Aset Gadaian jika pelanggan gagal menjalankan kewajipan pelanggan.
- KoPKB akan bertanggungjawab ke atas Aset Gadaian di bawah simpanan KoPKB dan akan memulangkan Aset Gadaian tersebut kepada pelanggan setelah pembayaran penuh kemudahan dibuat.

APAKAH CIRI-CIRI YANG ADA PADA KEMUDAHAN INI?

Kriteria Kelayakan	<ul style="list-style-type: none">• Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">i. Warganegara Malaysia; atauii. Berstatus penduduk tetap; atauiii. Warga asing/ bukan penduduk tetap yang mempunyai permit bekerja.• Mestilah mempunyai Kad Pengenalan/ Pasport.• Mestilah mempunyai nombor telefon dan alamat tempatan untuk dihubungi.
Aset Gadaian	<ul style="list-style-type: none">• Mestilah dalam bentuk emas/ barang kemas seperti jongsong, gelang, rantai dan sebagainya.• Mestilah dimiliki oleh pelanggan sepenuhnya.
Piawaian Emas	<ul style="list-style-type: none">• Gred emas yang diterima oleh pihak KoPKB adalah 999, 950, 916, 875, 835, dan 750
Pengiraan Nilai Aset Gadaian	Nilai Aset Gadaian = Berat x Harga Emas Pasaran (mengikut gred)

Kriteria Penilaian Aset Gadaian	Jenis Emas	Penerangan	Nilai
	Emas baru	Jongkong emas <i>Nota: Tidak melebihi 300 gram setiap jongkong emas</i>	Nilai semasa
	Emas terpakai	Emas yang telah digunakan	Nilai semasa
	Emas berbatu	Emas yang mempunyai batu permata	Berat batu akan ditentukan berdasarkan saiz dan akan ditolak daripada jumlah berat
Jumlah Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Margin sehingga 80% daripada Nilai Aset Gadaian. • Jumlah minimum adalah RM100. • Jumlah maksimum adalah RM300,000. 		
Kekerapan Urusniaga	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan boleh membuka lebih daripada 1 akaun sehari. • Jumlah pembiayaan hendaklah tidak melebihi RM50,000 bagi setiap akaun dengan jumlah pembiayaan maksimum sebanyak RM300,000 bagi setiap pelanggan. 		
Tempoh Pembiayaan/ Gadaian	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh maksimum kemudahan adalah 12 bulan. • Pelanggan hendaklah menjelaskan Jumlah Keuntungan pada setiap 6 bulan Tempoh Gadaian. • Pelanggan juga berhak untuk membuat penyelesaian penuh dan menebus Aset Gadaian pada mana-mana Tempoh Gadaian. 		
Kadar Keuntungan Bulanan	Nilai Aset Gadaian (RM)		Kadar Keuntungan (%) sebulan
	Sehingga 400		1.2
	401 ke 2,000		1.4
	Melebihi 2,001		1.6
Cara Pembayaran	<ul style="list-style-type: none"> • Keuntungan Bulanan: Setiap enam (6) bulan secara sekaligus. • Jumlah Pembiayaan: Secara sekaligus pada/ sebelum Tarikh Matang. • Tunai dan atas talian. 		

APAKAH YANG SAYA DAPAT DARIPADA PRODUK INI?

Ilustrasi :

Jumlah Pembiayaan	RM 5,600.00	
Harga Jualan	RM 6,675.20	
Tempoh Gadaian	6 bulan	12 bulan
Jumlah Keuntungan	RM 537.60	RM 1,075.20

APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

Anda hendaklah membuat bayaran Jumlah Keuntungan Bulanan sebelum atau pada Tarikh Akhir Pembayaran Keuntungan setiap enam (6) bulan.

Senario pengiraan Keuntungan Bulanan adalah seperti berikut:-

Nilai Marhun (NM)	RM7,000.00
Margin Pembiayaan	80% dari NM
Jumlah Pembiayaan	RM5,600.00
Kadar Keuntungan Bulanan	1.6% atas nilai pembiayaan

- Keuntungan Bulanan = $RM5,600.00 \times 1.6\%$
= RM89.60
- Jumlah Keuntungan Bulanan (12 bulan) = $RM89.60 \times 12 \text{ bulan} = RM1,075.20$
- Harga Jualan = Jumlah Pembiayaan + [Keuntungan Bulanan x 12 bulan]
= $RM5600 + [RM89.60 \times 12] = RM6,675.20$

Nota Penting

- Ibra' (rebat) akan diberikan kepada Pelanggan ke atas perbezaan di antara Harga Jualan dengan bayaran yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan Tempoh Gadaian selepas penjelasan penuh kemudahan dan penebusan Aset Gadaian dibuat.

APAKAH KEWAJIPAN YANG PERLU SAYA LAKSANAKAN JIKA SAYA MENGAMBIL KEMUDAHAN INI?

Baki pembiayaan termasuk semua caj yang dikenakan kepada Pelanggan hendaklah dibayar sepenuhnya pada tarikh bayaran yang ditetapkan.

BAGAIMANA JIKA SAYA MENYELESAIKAN PEMBIAYAAN SEBELUM TEMPOH MATANG?

Pelanggan perlu membuat penyelesaian penuh kemudahan beserta rebat dan menebus Aset Gadaian.

BAGAIMANA JIKA SAYA GAGAL MEMENUHI KEWAJIPAN-KEWAJIPAN SAYA?

KoPKB berhak mengambil tindakan undang-undang atau melelong kesemua Aset Gadaian atau menggabung dan menyatukan kesemua atau mana-mana akaun pelanggan bagi menolak selesai keberhutangan pelanggan terhadap KoPKB, selepas 21 hari daripada tarikh Notis Tuntutan Terakhir yang dikeluarkan, dan menuntut amaun tertunggak termasuk segala kos berkaitan sekiranya:

- Pelanggan gagal dan/atau ingkar menjelaskan bayaran Jumlah Pembiayaan dan Keuntungan dalam tempoh yang ditetapkan;
- Berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal;
- Pelanggan diisytiharkan bankrap; dan/atau
- Pelanggan melanggar mana-mana syarat kemudahan ini dan yang berkaitan dengannya.

APA YANG PERLU SAYA LAKUKAN SEKIRANYA TERDAPAT PERUBAHAN KEPADA BUTIRAN PERHUBUNGAN SAYA?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami dengan segera sebarang perubahan kepada butiran perhubungan bagi memastikan semua urusan surat menyurat sampai kepada anda dalam tempoh yang ditetapkan.

DI MANA BOLEH SAYA DAPATKAN BANTUAN DAN CARA PENYELESAIAN?

Sekiranya anda menghadapi kesulitan dalam membuat pembayaran, anda dinasihati untuk menghubungi kami dengan kadar segera untuk membincangkan pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

Koperasi Permodalan Kelantan Berhad (D-5-0228)

Lot PT. 448, Tingkat 1, Jalan Kuala Krai,
Batu 3, Wakaf Che Yeh,
15150 Kota Bharu, Kelantan

Tel: 09 - 7414331

Faks: 09 - 7414330

Emel: info@kopkpb.com

DI MANA SAYA BOLEH DAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan, sila rujuk kepada maklumat yang disediakan di cawangan kami dan di laman web <https://www.kopkpb.com>

PAKEJ-PAKEJ PEMBIAYAAN LAIN YANG ADA

Tiada.

MAKLUMAT LAIN

- Maklumat yang disediakan di sini adalah sah pada tarikh notis.
- Pelanggan dinasihati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan ini.

PERINGATAN PENTING: PIHAK KOPKB BERHAK MENOLAK ATAU MENARIK BALIK PERMOHONAN/ PEMBIAYAAN INI DAN BERHAK MELELONG CAGARAN JIKA PELANGGAN DIDAPATI GAGAL MENJELASKAN JUMLAH PEMBIAYAAN BERSERTA KEUNTUNGAN YANG DIKENAKAN DAN LAIN-LAIN BAYARAN YANG BERKAITAN PENJUALAN TERSEBUT. PIHAK KOPKB JUGA BOLEH MENGENAKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG KE ATAS PELANGGAN JIKA BARANG CAGARAN ADALAH PALSU.